



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 5, No. 2, 2017

ISSN No. 2338-512X

Pembinaan Modul Kerohanian Model Al-Muhasibi (MKAM) dalam Merawat Al-Nafs di Pusat Pemulihan Akhlak

Norfadilah Binti Abdul Rahman, Faudzinaim Bin Hj Badaruddin

Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mail: norfadilah@usas.edu.my; fnaim@ukm.edu.my

Abstrak – *Kajian ini mengkaji tentang pembinaan Modul Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi dalam Merawat al-Nafs di Pusat Pemulihan Akhlak. Ia mempunyai dua objektif iaitu memperkenalkan tasawuf al-Muhasibi sebagai model kerohanian dalam merawat al-Nafs dan mengemukakan Modul Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi dalam merawat al-Nafs. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian campuran secara penerokaan meliputi teknik analisis kandungan melalui kajian kepustakaan serta kajian rintis untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan kandungan modul juga telah dilaksanakan. Metode kepustakaan adalah menganalisis karangan al-Muhasibi seperti al-Ri'ayah li huuq Allah, Risalah al-Mustarshidin, Al-Masa'il fi Amal al-Qulub wa al-Jawarih, al-Wasaya dan lain-lain. Proses kesahan kandungan adalah melibatkan empat orang panel pakar yang mempunyai bidang kepakaran, pengalaman dan kesesuaian dengan modul yang dibina. Manakala proses kebolehpercayaan modul telah melibatkan tiga puluh orang pelatih Pusat Pemulihan Akhlak yang telah mengikuti semua aktiviti dalam modul kerohanian al-Muhasibi. Dapatkan analisis kandungan model al-Muhasibi dalam merawat al-Nafs adalah menghasilkan enam konstruk utama iaitu mengenal hakikat diri insan, mengenal jiwa insan, penyahan sifat mazmumah jiwa, penerapan sifat asas mahmudah jiwa, penyucian jiwa secara bertahap melalui al-Maqamat dan pengukuhan jiwa suci. Hasil kesahan pakar kandungan modul mendapati aktiviti dan kandungan modul kerohanian berasaskan al-Muhasibi adalah sesuai digunakan kepada kumpulan sasaran. Bacaan nilai pekali kebolehpercayaan keseluruhan modul ini adalah tinggi iaitu alpha cronbach 0.878. Hal ini menunjukkan bahawa modul ini boleh digunakan sebagai modul bimbingan. Kajian ini menyimpulkan bahawa satu modul bimbingan melalui pendekatan tasawuf yang komprehensif boleh dijadikan panduan kepada kaunselor dan guru pembimbing dalam merancang aktiviti-aktiviti bimbingan pelatih.*

Kata kunci: modul kerohanian , al-Muhasibi, Pusat Pemulihan Akhlak

I. Pendahuluan

Golongan Islam menganggap insan sebagai suatu nilai hakiki dan tapak yang menjadi asas dalam kehidupan dan kekuatan fizikal. Ini kerana insan merupakan makhluk Allah S.W.T yang paling istimewa di muka bumi kerana mempunyai dua kelebihan iaitu pertama, hakikat kejadiannya yang sungguh istimewa dan kedua : hakikat kedudukannya yang teristimewa di antara semua makhluk di dunia sehingga dia diiktiraf sebagai khalifah di muka bumi. Melalui nas-nas al-Quran dan hadis banyak didapati bahawa kejadian manusia yang bermula dengan penciptaan Nabi Adam a.s itu telah melalui dua peringkat penciptaan. Pertama adalah peringkat kesempurnaan bentuk tubuh badan dan segala keperluannya, kedua adalah peringkat peniuhan roh dari Allah yang membuktikan adanya dua bentuk

kejadian iaitu jasmani dan rohani (Mohd Sulaiman Yasin 1992 :160-161). Oleh kerana manusia itu terdiri daripada dua unsur utama iaitu jasmani dan rohani, maka secara tidak langsung fitrah semuladinya terbahagi kepada dua. Iaitu bersifat kejasmanian (fizikal), kebendaan dan keduniaan, dan bersifat kerohanian (kejiwaan), ketuhanan dan keakhiran. Unsur kebendaan memerlukan makanan, minuman, rumah, kenderaan, pakaian, pekerjaan, harta dan lain-lain. Sementara unsur kerohanian memerlukan agama yang betul, akhlak yang baik, akidah dan keimanan yang jitu, tujuan hidup yang jelas dan sebagainya (Mohd Syarani Ahmad 2003:14 dan Arena Che Kasim 2000:25). Jadi, dalam melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba (*abd*) dan wakil Khalifah Allah untuk mentadbir, memakmur dan mencipta sejarah di dunia, maka manusia perlu memenuhi tuntutan kedua-dua unsur rohani dan jasmani secara seimbang. Manusia yang enggan dan gagal memenuhi kehendak unsur-unsur tersebut secara bersepada akan bermakna manusia telah merosakkan amanah Allah kepadanya yakni dirinya sendiri. Melayani kehendak kebendaan sahaja tanpa menanamkan unsur rohani dalam diri akan melahirkan manusia yang materialistik, mengejar dunia semata-mata sehingga terlupa akan matlamat sebenar kejadian dirinya untuk mengabdikan diri kepada Allah (Mohd Nasir Omar 2005:128). Sepertimana yang telah digambarkan dalam ayat al-Qur'an , al-Dhariyat 51:56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

Sehubungan itu, model pembangunan insan era globalisasi kini seharusnya berfungsi dengan baik berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. sebagai jentera kesejahteraan dalam membina ketamadunan manusia. Pembinaan diri insan seutuhnya perlu dilihat secara bersepada bertepatan dengan penerapan dan perlaksanaan tuntutan syarak berpanduan al-Qur'an dan al-Sunnah agar kehidupan di dunia menjanjikan suatu keuntungan di akhirat kelak. Elemen-elemen seperti potensi fizikal dengan kekuatan tubuh badan, mental yang diisi dengan pelbagai ilmu dan kemahiran serta kognitif dalam diri insan perlu didasari dengan tunjang elemen kerohanian yang sempurna dan lurus bertepatan dengan syariat Islam agar dapat mewujudkan peribadi insan yang sentiasa menyedari dirinya sebagai hamba Allah dan bertindak dengan keimanan kepada Allah serta segala amalan dan perbuatannya untuk kebajikan dan kemanfaatan semua makhluk. Walaupun begitu, aspek material dalam diri insan tidaklah bererti mestilah diabaikan dan diberi perhatian dalam kehidupan insan. Tetapi, kedudukan aspek material seharusnya diletakkan pada tempat yang sesuai dan munasabah agar kelangsungan hidup insan berjaya di dunia dan akhirat.

II. Penyataan Masalah

Pelbagai krisis akhlak dan moral melibatkan remaja sememangnya terus menular, merebak dan mewabak dalam masyarakat kini. Walaupun pelbagai usaha yang telah dijalankan dalam membanteras isu ini, namun ianya belum menunjukkan tanda-tanda yang positif untuk berkurangan bahkan fenomena keruntuhan akhlak ini semakin menjadi-jadi dari sehari ke sehari dan tetap menjadi isu yang hangat dalam laporan akhbar, internet dan sebagainya hingga boleh mengancam keselamatan masyarakat, bangsa, negara dan khususnya pada agama. Naib Pengurus (1) Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) melalui Berita Harian keluaran 22 Mei 2011. Tan Sri Lee Lam Thye menjelaskan bahawa, wujud kebimbangan mengenai perlakuan remaja, terutama pelajar yang terbabit dalam kes jenayah. Hal ini dilihat apabila statistik kes pelajar yang terbabit jenayah dalam tempoh dua tahun terakhir, jumlahnya semakin meningkat. Pada 2009, seramai 1,409 pelajar terbabit dalam jenayah dengan 3,263 tangkapan dan jumlahnya meningkat kepada 1,947 kes pada 2010 dengan 3,701 tangkapan ke atas pelajar. Kes remaja bukan pelajar yang kebanyakannya lepasan sekolah atau layak digelar juvana juga membimbangkan kerana jumlah kes terbabit dengan jenayah meningkat daripada 2,245 (2009) kepada 3,218 kes pada 2010. Jumlah tangkapan menurun tetapi perbezaannya terlalu kecil berbanding 4,497 pada 2009 menurun kepada 4,404 pada tahun lalu. Tambah beliau, trend baru jenayah pelajar ialah kes kekerasan atau keganasan di kalangan pelajar wanita. Situasi itu dianggap membimbangkan kerana pelajar wanita terkenal dengan sikap lemah lembut kini banyak terbabit dalam kes pergaduhan, buli dan ada juga yang terbabit dalam kes curi kenderaan.

Selain itu, peningkatan kes buang bayi dalam kalangan remaja turut menjadi isu yang sangat diperkatakan apabila Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Alwi Ibrahim melaporkan dalam Berita Harian 21 Mac 2010 bahawa seramai 17,303 anak luar nikah Melayu telah didaftarkan di seluruh negara sepanjang tahun 2009. Menurut beliau lagi, bilangan itu meningkat 762 kes berbanding tahun sebelumnya. Pada 2008 seramai 16,541 anak luar nikah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) manakala pada 2007 seramai 16,1000. Ini bererti seramai kira-kira 65 bayi di luar nikah dilahirkan di kalangan orang Melayu. Jumlah ini tidak termasuk di kalangan kes buang bayi yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. pula turut melaporkan dalam keratan artikelnya di dalam sebuah majalah berkenaan dengan kes jenayah remaja yang diperolehi dari PDRM Bukit Aman yang merekodkan seramai 135,121 remaja melakukan kes jenayah. Masalah gejala sosial jenayah seperti ini merupakan satu perkara yang paling

kerap berlaku di kalangan remaja pada masa kini (Fadilah Muhammad Nawi 2012:3). Oleh yang demikian, sebagai negara yang sebahagian besar penduduknya terdiri dari golongan generasi muda, permasalahan sosial, tingkah laku dan juvana dalam kalangan remaja sememangnya perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh semua pihak kerana hal ini boleh menjelaskan kualiti kehidupan masyarakat pada masa akan datang seterusnya menjelaskan maruah negara ini. Pencegahan dan pemulihan adalah penting supaya masalah kebejatan akhlak dalam kalangan remaja kini dapat di atasi dengan sebaiknya disamping dapat menggalakkan penghayatan nilai-nilai murni pada setiap diri individu masyarakat di Malaysia. Tambahan pula, remaja merupakan harta (aset) dan khazanah negara yang paling istimewa, berharga dan bernilai. Remaja hari ini merupakan tulang belakang negara dan penyambung generasi akan datang, bakal pemimpin agama, masyarakat dan negara. Dalam usaha memastikan nilai-nilai akhlak mulia kembali tertanam dan terhayat secara sempurna dalam diri setiap insan, sudah pastinya suatu proses pendidikan sepanjang hayat perlu digunakan bagi membangun dan meneruskan penguasaan nilai-nilai baik yang terdapat pada dasar potensi diri manusia.

Pembinaan jati diri manusia dilihat sebagai aset utama yang perlu dititikberatkan kerana prinsip pembangunan insan dalam Islam itu adalah bersifat menyeluruh dan bersepadan dengan bertunjangkan pembangunan kerohanian. Sebab kemajuan kerohanian merupakan tujuan sebenar manusia dicipta oleh Allah SWT. Maka, dicadangkan pendekatan tasawuf adalah jalan yang terbaik digunakan kerana pendekatan ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Zakaria Stapa (1999:83) adalah merupakan pendekatan praktis atau amalan yang berterusan lagi serius yang boleh menjamin keberkesanan dalam pembentukan personaliti insan sebagaimana yang sudah dibuktikan oleh perjalanan sejarah tamadun Islam. Sehubungan itu, penulis berpandangan bahawa sebuah Modul Kerohanian berasaskan pendekatan tasawuf perlu dibina dalam usaha membangun dan merawat *al-Nafs* insan. Terdapat banyak tokoh tasawuf yang membincangkan tentang pembangunan kejiwaan, namun fokus kajian ini adalah meneroka pandangan tokoh tasawuf pada abad ketiga Hijrah iaitu al-Muhasibi. Al-Muhasibi telah banyak menghasilkan penulisan dalam berbagai cabang ilmu sehingga karya dan tulisan beliau menjadi ikutan dan petunjuk bagi ahli tasawuf dan ahli psikologi Islam mahupun bukan Islam hingga ke hari ini. Hal ini jelas dalam kata-kata Imam Muhammad Zahid al-Kawthari melalui pengenalan buku *Risalah al-Mustarsyidin* yang telah menyifatkan pengaruh al- Muhasibi kepada Imam al-Ghazali amatlah besar kerana Imam al-Ghazali banyak mengambil faedah dari buku al-Muhasibi yang bertajuk *al-Ri'ayah li Huquq Allah* ketika menulis buku *Ihya' Ulum al-Din* (al-Muhasibi 1988:17). Imam al-Qusyairī pula telah mengiktiraf al-Muhasibi adalah seorang dari lima orang yang terkumpul padanya ilmu dan hakikat (Mohd Sulaiman Yasin 1980:237). Menurut al-Muhasibi (1990:21), hakikat baik buruknya perbuatan manusia adalah ditentukan oleh motif dan dorongan yang ada di dalam hatinya supaya berupaya untuk mengenali diri, meneliti apa-apa yang tersimpan di dalam hati, membersihkannya dari kotoran-kotoran jiwa dan mengisinya dengan berbagai niat yang bersih. Metod kejiwaan yang lurus mampu untuk memperbaiki jiwa-jiwa yang sakit. Apabila jiwa kembali pulih maka hati, akal dan anggota badan yang lain akan berfungsi mengikut landasan yang sebenarnya.

III. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian awal (*preliminary study*) adalah berbentuk kajian kepustakaan dan tinjauan untuk mengenal pasti teori dan model rekabentuk pembinaan modul. Selain itu, pengkaji menganalisis pandangan al-Muhasibi dalam merawat *al-Nafs* melalui karya-karya beliau seperti *al-Ri'ayah li huquq Allah*, *Risalah al-Mustarshidin*, *Adab al-Nufus*, *al-Wasaya* dan lain-lain. Kajian tinjauan juga dilakukan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan draf modul yang dibina. Fokus utama adalah untuk mendapatkan nilai kesahan melalui respon secara bertulis oleh sekumpulan pakar dan nilai kebolehpercayaan melalui respon secara bertulis daripada sekumpulan subjek dalam kalangan pelatih pusat pemulihan akhlak. Lokasi kajian terletak di dua buah Pusat Pemulihan Akhlak di negeri Perak. Pemilihan lokasi dilakukan berdasarkan kesesuaian populasi yang terdapat di sekolah tersebut dan memenuhi keperluan kajian. Dalam memilih lokasi kajian ini pengkaji telah mempertimbangkan beberapa faktor lain antaranya kesediaan pihak Pusat Pemulihan Akhlak yang membenarkan kajian dijalankan, kesediaan kaunselor untuk bekerjasama dan pemilihan lokasi sesi bimbingan kelompok. Dalam kajian ini, sesi bimbingan kelompok dijalankan dalam bilik kuliah yang memuatkan dua puluh orang pelatih. Responden kajian melibatkan dua kumpulan, iaitu empat orang pakar yang dilantik untuk membuat penilaian terhadap kesahan kandungan dan kesesuaian aktiviti modul dan tiga puluh orang pelatih Pusat Pemulihan Akhlak yang akan menilai kebolehpercayaan modul setelah mereka melalui modul ini.

Jadual 1. Profil Panel Pakar Kesahan Kandungan

Bil.	Profil Ringkas	Institusi	Bidang kepakaran
1.	Profesor Dr Sidek Mohd Noah (Pensyarah Universiti Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan)	UPM	Psikologi Kaunseling Kesahan dan kebolehpercayaan pelbagai modul
2.	Profesor Dr. Zainab Binti Ismail (Pensyarah Universiti)	UKM	Kemanusiaan, Pengajian Islam, Psikologi dan Kaunseling perspektif Islam

3.	Dr. Mohd Faizal Bin Abdul Khir (Pensyarah Universiti)	USAS	Pengajian Islam: Dakwah Islam, Perbandingan Agama dan Tasawuf
4.	Tn Hj Omar Bin Abdul Latif (Kaunselor)	STB, TAIPING	Pengamal Psikologi Kaunseling

Jadual 1 menunjukkan kumpulan pakar yang akan menilai tentang kesahan konstruk dan kandungan draf modul yang telah dibina. Mereka mempunyai bidang kepakaran, pengalaman dan kesesuaian dengan modul yang dibina. Kriteria pemilihan kepakaran adalah: Kepakaran dan pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling, kepakaran dan pengetahuan dalam bidang pembinaan modul dan pengamal dalam bidang psikologi dan kaunseling.

Jadual 2. Profil Pelatih Pusat Pemulihan Akhlak

Peserta	Umur	Seksyen	Kesalahan
Pelatih 1	13 tahun	Sek 46 AKK 2001	Curi motor
Pelatih 2	14 tahun	Sek 46 AKK 2001	Pecah rumah
Pelatih 3	16 tahun	Sek 46 AKK 2001	Rogol
Pelatih 4	17 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 5	18 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 6	18 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 7	15 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 8	19 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 9	20 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 10	20 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 11	17 tahun	Sek 46 AKK 2001	Tidak terkawal
Pelatih 12	16 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 13	17 tahun	Sek 46 AKK 2001	Tidak terkawal
Pelatih 14	20 tahun	Sek 46 AKK 2001	Curi motor
Pelatih 15	17 tahun	Sek 46 AKK 2001	Dadah
Pelatih 16	19 tahun	Sek 40 (3) (a)	Seksual
Pelatih 17	18 tahun	Sek 40 (3) (a)	Seksual
Pelatih 18	18 tahun	Sek 40 (3) (a)	Seksual
Pelatih 19	17 tahun	Sek 40 (3) (a)	Seksual
Pelatih 20	19 tahun	Sek 40 (3) (a)	Seksual
Pelatih 21	15 tahun	Sek 40 (3) (a)	Seksual
Pelatih 22	15 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 23	16 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 24	17 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 25	16 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 26	14 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 27	14 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 28	16 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 29	17 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah
Pelatih 30	16 tahun	Sek 40 (3) (a)	Lari dari rumah

Jadual 2 adalah responden untuk kajian rintis Modul Kerohanian al-Muhasibi adalah melibatkan tiga puluh orang pelatih di dua buah Pusat Pemulihan Akhlak di Perak. Mereka akan melalui aktiviti yang terdapat di dalam modul MKAM terlebih dahulu sebelum menjawab item kebolehpercayaan modul. Latar belakang pelatih adalah dari sekolah harian, berpencapaian akademik sederhana disamping mempunyai rekod juvana. Pemilihan mereka adalah bersesuaian dengan kehendak kajian. Pemilihan responden berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh pihak sekolah daripada pegawai kaunselor. Pemilihan ini memenuhi fenomena yang berkait dengan aspek teoritikal pelatih yang mempunyai masalah tingkah laku dengan merujuk kepada rekod peribadi pelatih. Kriteria pemilihan responden yang dilibatkan dalam kajian ini ditetapkan oleh pengkaji sendiri berdasarkan beberapa pertimbangan. Ini termasuklah berdasarkan laporan kes salah laku daripada pihak sekolah.

Proses pengumpulan dan penganalisisan data dapat dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama kajian ini adalah analisis kandungan modul kerohanian berdasarkan model rawatan al-Nafs al-Muhasibi. Pengkaji terlebih dahulu melakukan langkah-langkah berikut: Membaca buku-buku karangan al-Muhasibi, menganalisis dan mengambil tema-tema penting yang berkaitan rawatan jiwa al-Muhasibi, membaca dan mengubahsuai istilah bersesuaian dengan Pusat Pemulihan Akhlak. Setelah pengkaji selesai mencatat dan menyusun tema-tema tersebut, pengkaji meminta semakan dan pengesahan daripada penyelia kajian. Fasa kedua pula melibatkan langkah pembinaan modul berdasarkan model Sidek Noah&Jamaluddin (2005). Ianya melibatkan dua peringkat iaitu peringkat menyediakan draf modul dan peringkat mencuba dan menilai modul. Setelah pengkaji menggabungkan aktiviti-aktiviti modul, adalah terlebih dahulu pengkaji menyerahkan kepada penyelia untuk semakan susunan aktiviti-aktiviti draf modul. Setelah mendapat persetujuan daripada penyelia, pengkaji meneruskan prosedur kajian ini dengan mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan modul. Kesahan modul dikenalpasti dari aspek kandungan, sesi dan aktiviti modul MKAM. Manakala bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan, kaedah pekali alpha cronbach telah digunakan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences-SPSS versi 20.

IV. Hasil Kajian

Hasil kajian ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Ianya merangkumi dapatan kajian tentang modul kerohanian berdasarkan tasawuf al-Muhasibi serta dapatan kesahan kandungan panel pakar dan nilai kebolehpercayaan keseluruhan modul. Huraianya tersebut seperti berikut:

4. 1. Modul Kerohanian berdasarkan al-Muhasibi dalam Merawat al-Nafs

Berdasarkan penelitian penulis terhadap karya-karya al-Muhasibi seperti *al-Ri'ayah li huuq Allah* (1990), *Risalah al-Mustarshidin* (1988), *al-Wasaya* (2003), *Al-Masa'il fi Amal al-Qulub wa al-Jawarih* (2000) dan *Bad' Man Anaba ila Allah* (1991), perbincangan al-Muhasibi berkaitan rawatan al-Nafs dapat dibahagikan kepada enam bahagian utama. Ianya termasuklah tentang mengenal hakikat diri insan, mengenal jiwa insan, penyahan sifat mazmumah jiwa, penerapan sifat asas mahmudah jiwa, kesucian jiwa secara bertahap melalui al-Maqamat dan pengukuhan jiwa. Fokus utama kategori pertama : mengenal hakikat diri insan adalah untuk berfokus tentang proses kejadian manusia, tabiat insan, peranan insan dan komponen spiritual insan. Kategori kedua: mengenal jiwa insan pula adalah berkisar tentang huraian sifat-sifat jiwa, mengenalpasti musuh-musuh jiwa serta kepentingan dan kesan pendidikan jiwa yang betul. Kategori yang ketiga: penyahan sifat mazmumah jiwa adalah memahami sifat-sifat mazmumah jiwa iaitu riyak, ujub, takbur, hasad dan terpedaya tentang Allah Taala. Ianya merangkumi konsep dan pengertian, dalil tegahan berdasarkan al-Quran dan Sunnah serta latihan menghilangkan sifat-sifat mazmumah.

Seterusnya kategori yang keempat adalah penerapan sifat asas mahmudah jiwa. Perbincangan dalam kategori ini adalah mengetahui sifat-sifat asas mahmudah jiwa iaitu ikhlas, khawf dan raja', ingat mati dan muraqabah. Tajuk-tajuk ini merangkumi konsep dan pengertian, dalil tegahan berdasarkan al-Quran dan Sunnah serta latihan menerapkan sifat-sifat mahmudah berdasarkan pandangan al-Muhasibi. Manakala kategori yang kelima iaitu kesucian jiwa secara bertahap melalui al-Maqamat Fokus utama unit ini adalah untuk mengetahui dan memahami sifat-sifat mahmudah jiwa melalui al-Maqamat agar jiwa dapat disucikan dengan sempurna. Sifat-sifat mahmudah melalui al-Maqamat adalah taubat, warak, zuhud, sabra, reda, tawakal, syukur dan mahabbah. Tajuk-tajuk ini merangkumi konsep dan pengertian, dalil tegahan berdasarkan al-Quran dan Sunnah serta latihan menerapkan sifat-sifat mahmudah ini. Bahagian yang terakhir adalah pengukuhan jiwa. Perbincangan bahagian ini adalah bertumpu tentang aktiviti-aktiviti pengukuhan jiwa suci agar jiwa insan konsisten dalam keadaan bersih dan direndai Allah Taala. Ianya termasuklah muhasabat al-Nafs, riyadah dan mujahadah al-Naf, amalan jiwa: solat khusyuk, tadarus al-Quran, qiamullail, puasa dan zikir berpanjangan sepetimana yang dianjurkan oleh al-Muhasibi. Jadual 3 adalah menunjukkan pengisian kandungan Modul Kerohanian berdasarkan al-Muhasibi.

Jadual 3. Pengisian Modul Kerohanian al-Muhasibi

SUB MODUL	AKTIVITI	KANDUNGAN/ PENGISIAN	MASA
Hakikat diri insan	Aktiviti 1 : Insan Makhluk Istimewa	Proses kejadian manusia Tabiat insan, Peranan insan Komponen spiritual insan	1 jam 30 minit
Mengenal jiwa insan	Aktiviti 2 : Ada Apa Dengan Jiwa?	Mengetahui sifat-sifat jiwa Mengenal pasti musuh-musuh jiwa Mengetahui kepentingan dan kesan pendidikan kejiwaan yang betul	1 jam 30 minit
Penyahan sifat mazmumah jiwa	Aktiviti 3 : Riyak dan Ujub	Riyak dan ujub Pengertian dan keterangan tentang riyak dan ujub Dalil-dalil tegahan dari al-Quran dan al-Hadis tentang riyak dan ujub Latihan menghilangkan riyak dan ujub Bahanaya riyak dan ujub	1 jam 30 minit
	Aktiviti 4 : Takbur dan Hasad	Takbur dan hasad Pengertian dan keterangan tentang takbur dan hasad Dalil-dalil tegahan dari al-Quran dan al-Hadis tentang takbur dan hasad Latihan menghilangkan takbur dan hasad Bahanaya takbur dan hasad	1 jam 30 minit
	Aktiviti 5 : Terpedaya tentang Allah	Ghurur (terpedaya tentang allah) Pengertian dan keterangan tentang terperdaya Dalil-dalil tegahan dari al-Quran dan al-Hadis tentang terperdaya Latihan menghilangkan terperdaya Bahanaya terperdaya	1 jam 30 minit
Penerapan asas sifat mahmudah jiwa	Aktiviti 6 : Ikhlas	Pengertian dan keterangan tentang taubat dan ikhlas Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang taubat dan ikhlas Latihan penerapan taubat dan ikhlas Faedah taubat dan ikhlas	1 jam 30 minit

	Aktiviti 7 : Khawf dan Raja'	Pengertian dan keterangan tentang khawf dan raja' Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang khawf dan raja' Latihan penerapan khawf dan raja' Faedah khawf dan raja'	1 jam 30 minit
	Aktiviti 8 : Ingat Mati & Muraqabah	Pengertian dan keterangan tentang ingat mati dan muraqabah Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang ingat mati dan muraqabah Latihan penerapan ingat mati dan muraqabah Faedah mengingat mati dan muraqabah	1 jam 30 minit
Penyucian jiwa secara bertahap	Aktiviti 9 : Taubat dan Warak	Pengertian dan keterangan tentang taubat dan warak Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang taubat dan warak Latihan mensucikan jiwa dengan taubat dan warak Faedah taubat dan warak	1 jam 30 minit
	Aktiviti 10 : Zuhud dan Sabar	Pengertian dan keterangan tentang zuhud dan sabar Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang zuhud dan sabar Latihan mensucikan jiwa dengan zuhud dan sabar Faedah zuhud dan sabar	1 jam 30 minit
	Aktiviti 11 : Reda dan Tawakal	Pengertian dan keterangan tentang tawakal dan reda Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang tawakal dan reda Latihan mensucikan jiwa dengan tawakal dan reda Faedah tawakal dan reda	1 jam 30 minit
	Aktiviti 12 : Syukur dan Mahabbah	Pengertian dan keterangan tentang syukur dan mahabbah Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang syukur dan mahabbah Latihan mensucikan jiwa dengan syukur dan mahabbah Faedah syukur dan mahabbah	1 jam 30 minit
Pengukuhan Jiwa	Aktiviti 13 : Muhasabah Al-Nafs	Pengertian dan keterangan tentang muhasabah Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang muhasabah Latihan pembentukan muhasabah Faedah muhasabah	1 jam 30 minit
	13.1 Renungan Jiwa	Pengertian dan keterangan tentang renungan jiwa. Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis sesi renungan jiwa Faedah renungan jiwa	
	Aktiviti 14 : Riadah al-Nafs dan Mujahadah al-Nafs	Pengertian dan keterangan tentang riyadah dan mujahadah Dalil-dalil galakan dari al-Quran dan al-Hadis tentang riyadah dan mujahadah Latihan pembentukan mujahadah dan riyadah jiwa Faedah mujahadah dan riyadah jiwa	1 jam 30 minit
	14.1 Amalan Jiwa - Solat Khusyuk	Tahsin solat dengan memperbetulkan pergerakan solat cara Nabi SAW Khusyuk solat melalui pemahaman makna bacaan solat Faedah khusyuk solat dalam merawat jiwa	
	14.2 Amalan Jiwa - Tadarus Al-Quran	Tartil (membaca) al-Quran dengan baik) Tafahum (memahami) isi al-Quran yang dipilih. Tadabbur (menghayati) makna-makna dalam al-Quran.	
	14.3 Amalan Jiwa - Qiamullail	Mengetahui tatacara qiamullail berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah Mengetahui kaifiyat solat sunat taubat, solat sunat tahajjud, solat sunat hajat dan solat sunat witir. Bermujahadah dengan diri sendiri supaya bangun malam dan beribadah kepada Allah.	
	14.4 Amalan Jiwa - Puasa	Tatacara berpuasa berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah Adab-adab dalam berpuasa Faedah berpuasa dalam merawat jiwa	

14.5 Amalan Jiwa - Zikir Berpanjangan	Memahami makna zikir berdasarkan al-Quran dan hadis Menghafaz zikir Faedah zikir dalam merawat jiwa
---------------------------------------	---

4. 2. Kajian Rintis Modul Kerohanian al-Muhasibi

Kajian rintis dalam kajian ini untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan modul MKAM yang dibina. Di dalam kajian rintis, pengkaji akan melihat kesesuaian kandungan yang telah ditentukan di samping aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Dapatkan daripada penilaian pakar berdasarkan soal selidik kesahan kandungan modul (Sidek&Jamaluddin 2005) untuk menentukan tahap isi kandungan modul MKAM adalah seperti Jadual 4 berikut

Jadual 4. Nilai kesahan kandungan MKAM berdasarkan penilaian pakar

Pernyataan berkaitan sub modul MKAM yang dinilai	Peratusan	Pandangan pakar
Kandungan modul ini menepati sasaran populasi	93	Diterima
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	90	Diterima
Kandungan modul ini sesuai dengan masa yang diperuntukkan	88	Diterima
Kandungan modul ini boleh meningkatkan religiositi (penghayatan agama) pelatih	90	Diterima
Kandungan modul ini boleh membantu mengubah tingkah laku pelajar	93	Diterima

Jadual 4 menunjukkan nilai peratusan minimum ialah 88% bagi kenyataan masa yang diperuntukkan. Bagi kenyataaan modul ini menepati sasaran populasi pula adalah 93%, nilai peratusan ini sama bagi kenyataan modul ini boleh membantu mengubah tingkah laku pelajar. Manakala peratusan 90% adalah untuk kenyataan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna dan boleh meningkatkan penghayatan pelatih Pusat Pemulihan Akhlak. Secara keseluruhannya dapatkan berkenaan menunjukkan kandungan modul MKAM ini adalah bertepatan dan bersesuaian dengan sasaran modul berkenaan.

Dalam kajian bagi kebolehpercayaan modul diberikan kepada pelatih setelah mereka mengikuti setiap aktiviti dalam modul tersebut. Soal selidik telah dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah pekali *alpha cronbach*. Berdasarkan kajian rintis MKAM nilai kebolehpercayaan keseluruhan adalah baik melebihi aras .60 iaitu .878. Dapatkan berkenaan menunjukkan MKAM boleh diterima dan dipercayai serta boleh digunakan dalam aktiviti bimbingan pelatih Pusat Pemulihan Akhlak.

V. Kesimpulan

Kandungan modul merupakan antara perkara utama dalam sesebuah modul. Modul kerohanian memerlukan kandungan yang menepati kehendak agama dan keperluan sasaran. Hasil analisis penulis berdasarkan kajian kepustakaan yang merujuk kitab-kitab al-Muhasibi, maka dapatlah dikatakan bahawa terdapat enam kategori dalam rawatan jiwa menurut al-Muhasibi. Ianya termasuklah Hakikat Diri Insan, Mengenal Jiwa, Penyahan Sifat Mazmumah Jiwa, Menerapkan sifat Mahmudah Jiwa, Kesucian Jiwa secara Bertahap melalui al-Maqamat dan Pengukuhan Jiwa. Kajian ini telah berjaya mengetengahkan satu kerangka teoritikal yang komprehensif dalam pendekatan bimbingan perspektif Islam. Pemikiran Imam al-Muhasibi berkaitan proses Tazkiyah an-nafs telah dijadikan asas dalam pembinaan kerangka teori berkenaan. Model ini juga telah dijadikan sandaran teori dalam pembinaan MKAM. Berdasarkan model Imam al-Muhasibi. Kandungan modul MKAM dibahagikan kepada enam modul utama iaitu, (1) Hakikat Diri Insan, (2) Mengenal Jiwa Insan, Penyahan Sifah Mazmumah Jiwa, Penerapan Sifat Asas Mahmudah Jiwa, Kesucian Jiwa Secara Bertahap melalui al-Maqamat, dan Pengukuhan Jiwa. Enam modul utama MKAM ini kemudiannya dipecahkan kepada dua puluh aktiviti. Aktiviti tersebut termasuklah Insan Makhluk Istimewa, Mengenal Jiwa insan, Riyak dan Ujub, Takbur dan Hasad, Terpedaya tentang Allah, Ikhlas, Khawf dan Raja', Ingat Mati dan Muraqabah, Taubat dan Warak, Zuhud dan Sabar, Reda dan Tawakal, Syukur dan Mahabbah, Muhasabat al-Nafs, Riyadah dan Mujahadah serta lima amalan jiwa: Solat Khusyuk, Tadarus al-Quran, Puasa, Qiamullail dan Zikir Berpanjangan. Modul MKAM boleh dianggap sebagai modul yang lengkap kerana ia telah melalui kajian rintis bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Ini bertepatan dengan kaedah pembinaan modul model Sidek (Sidek Mohd Noah&Jamaludin Ahmad 2005) di mana modul yang bermutu dan dianggap lengkap setelah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya.

Kajian ini membuktikan modul kerohanian khususnya pendekatan tasawuf boleh dibangunkan secara empirikal berdasarkan garis panduan dan prosedur pembinaan modul yang sempurna. Pandangan pakar telah dijadikan sandaran dalam pembinaan MKAM untuk melihat kandungan yang bersesuaian di samping cadangan penambahbaikan aktiviti. Dapatkan kesahan dan kebolehpercayaan membuktikan MKAM boleh digunakan sebagai salah satu pendekatan dalam proses membantu.

Rujukan

1. Al-Quran al-Karim & terjemahan.
2. Arena Che Kasim. 2000. Pembangunan manusia menurut islam dan barat: Satu analisis teoritikal. Disertasi Sarjana. Jabatan Psikologi Dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Fadilah Mohammad Nawawi. 2012. Latihan Ilmiah: Masalah gejala sosial di salah sebuah Daerah Negeri Sembilan. UTM
4. Mohd Nasir Omar. 2005. *Akhlik dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publications Sdn Bhd.
5. Mohd Sha'rahi Ahmad. 2003. *Psikologi Pembangunan Manusia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
6. Mohd Sulaiman Yasin. 1992. *Akhlik dan Tasawuf*. Bangi: Yayasan Salman.
7. Mohd Sulaiman Yasin. 1980. *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
8. al-Muhasibi, Abi 'Abd Allah Harith. Tahqiq 'Abd al-Qadir Ahmad 'Ata'. 2003. *al-Wasaya*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
9. al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq 'Abd al-Qadir Ahmad 'Ata'. 1990. *al-Ri'ayah li Huquq Allah*. Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiyah.
10. al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq 'Abd al-Fatah Abu Ghadah. 1988. *Risalah al-Mustarsyidin*. Kaherah: Dar al-Salam.
11. al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq Khalil 'Imran Mansur. 2000. *Al-Masa'il fi 'Amal al-Qulub wa al-Jawarih*. Kaherah: Dar Kutub al-Ilmiyah.
12. al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq: Majdi Fathi Sayyid. 1991. *Bad' Man Anaba ila Allah*. Kaherah: Dar al-Salam.
13. Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad. 2005. Pembinaan Modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
14. Zakaria Stapa . 1999. Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributor.